

# Azwan Shahmie Terajui MPP UniMAP

Pelajar Pusat Pengajian Kejuruteraan (PPK) Mikroelektronik, Azwan Shahmie Zakaria telah dipilih untuk menerajui kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) bagi sesi 2013/2014.

Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin dalam ucapannya semasa Majlis Penyampaian Watikah Perlantikan berkata, setiap manifesto yang dibawa semasa tempoh berkempen diharap dapat dilaksanakan dalam menggarap kepercayaan para pelajar terhadap organisasi tersebut. MPP perlu memperlihatkan sebagai sebuah organisasi yang utuh dan bersatu padu dalam apa jua suara dan tindakan serta dapat bergerak seiring dengan kesedaran dan pemikiran Universiti kerana MPP bukan saja mewakili pelajar tetapi juga merupakan cerminan kepada universiti.

Tambah beliau lagi, suara dan tindakan MPP melambangkan citra dan harapan seluruh pelajar UniMAP, lantas adalah menjadi keperluan untuk barisan MPP yang baru ini untuk memahami perjuangan dan Aspirasi UniMAP secara keseluruhannya.

Pada 28 November 2013 lalu Kumpulan Pro Universiti telah menguasai Pilihanraya Kampus (PRK) UniMAP apabila memenangi keseluruhan 33 kerusi Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) yang baru bagi sesi 2013/2014.

